

PENGGUNAAN JARI UNTUK MENJARAKKAN PERKATAAN DALAM TULISAN

Oleh

Syarmina binti Ellias
Syarmina89@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid pemulihan menjarakkan perkataan dalam tulisan menggunakan kaedah jari dan menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya. Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid pemulihan yang bernama Ani dan Ana di Sekolah Kebangsaan C. Kaedah penggunaan jari digunakan untuk menjarakkan perkataan dalam tulisan semasa melaksanakan aktiviti menulis. Kaedah permerhatian, temubual dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data. Data yang diperoleh dianalisis dari segi kandungan. Triangulasi kaedah dan triangulasi sumber digunakan untuk penyemakan data. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah jari memberi kesan positif terhadap amalan saya dan peserta kajian. Ani dan Ana dapat menyalin ayat mudah dengan menjarakkan perkataan dalam tulisan menggunakan kaedah jari. Tulisan Ani dan Ana lebih kemas dan mudah dibaca. Penggunaan jari dalam melatih murid-murid dalam tulisan diharapkan dapat memberi manfaat secara optima kepada semua pihak. Kajian seterusnya adalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam tulisan murid sekolah rendah.

Kata kunci: Jarak antara perkataan, kaedah jari, masalah tulisan, ayat mudah, tulisan lebih kemas

ABSTRACT


The research was conducted to improve my teaching and learning practices in helping remedial pupils to separate the word using fingers method in their writing. The respondents consisted of 2 remedial pupils named Ani and Ana in the National School C. Fingers method used to separate the words in writing activity. Observation, interviews and document analysis were used in collecting data. The data was analyzed in terms of content. I also used method and source triangulation in checking data. The results showed that fingers method give positive impact on my teaching and learning practices and my respondents. Ani and Ana can write simple sentences with the correct spacing in their writing using fingers method. Ani's and Ana's writing neat and easy to read. I hope others were gained benefits from this finger method. My next research will be an using capital and small letters in pupils writing.

Keywords: Fingers method, spacing between words, writing problems, simple sentences, neatly writing

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Praktikum fasa I saya telah membuat pemerhatian terhadap tulisan murid. Saya dapat terdapat dalam kalangan murid masih tidak menguasai kemahiran menulis. Isu tulisan juga didapati dalam praktikum fasa II. Berdasarkan pemerhatian, terdapat dua orang murid pemulihan yang menulis tanpa jarak untuk setiap perkataan. Masalah ini menimbulkan kerisauan saya kerana masalah ini berlaku dalam kalangan murid Tahun 3. Rajah 1 menunjukkan tulisan murid A dan B pada praktikum fasa II.




Rajah 1 Tulisan Murid A dan Murid B

Selepas dua minggu menjalani praktikum fasa III, saya dapat dua orang murid pemulihan mengalami masalah dalam tulisan. Tulisan mereka tidak mempunyai jarak antara perkataan. Masalah ini menguatkan semangat saya untuk membantu kedua-dua murid ini.

Isu Keprihatinan


Isu keprihatinan wujud kerana kesedaran saya tentang betapa pentingnya murid menguasai kemahiran asas menulis. Hasil dapatan kajian Abdul Rasid (2011), mendapati responden bersetuju jika tidak menguasai kemahiran asas menulis menjadikan murid tidak dapat memahami serta menghasilkan karangan yang bermakna. Kelemahan membaca menyebabkan responden menghadapi masalah mengeja perkataan yang hendak dizahirkan semasa menulis. Keadaan ini menyebabkan murid berasa cepat letih semasa melakukan latihan menulis.

Berdasarkan tinjauan awal pada 9 Februari 2012, saya dapat dua orang murid pemulihan menghadapi masalah tulisan. Hasil pemerhatian menunjukkan Ani (nama samaran) dan Ana (nama samaran) menghadapi masalah menjarakkan perkataan dalam tulisan. Pada pandangan saya, Ani dan Ana hanya menyalin perkataan yang diberi tanpa memahami maksud ayat yang ditulis. Saya telah meminta Ani dan Ana mengeja dan membaca perkataan yang diberi namun Ani dan Ana gagal. Rajah 2 menunjukkan tulisan Ana dan Ana semasa aktiviti menyalin petikan mudah.



Rajah 2 Tulisan Ani dan Ana

Pada 5 Mac 2012, saya melaksanakan Ujian Pelepasan Bahasa Melayu bagi murid pemulihan. Ani dan Ana juga menduduki Ujian Pelepasan. Saya dapat tulisan Ana juga tidak mempunyai jarak antara perkataan. Ana hanya menyalin semula ayat yang diberi tanpa memahami maksud ayat tersebut. Saya meminta Ana membaca ayat yang diberi namun Ana tidak boleh membaca ayat tersebut dengan betul. Rajah 3 menunjukkan tulisan Ani dan Ana.



Rajah 3 Tulisan Ani dan Ana semasa Ujian Pelepasan Bahasa Melayu

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menambah baik amalan p&p saya melalui penggunaan kaedah jari dalam mengatasi masalah tulisan murid pemulihan. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu dua orang murid pemulihan mengatasi masalah menjarakkan perkataan dalam tulisan menggunakan jari.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah penggunaan jari dapat membantu menambah baik amalan p&p saya untuk mengatasi masalah tulisan dalam kalangan murid pemulihan?
- Sejauh manakah penggunaan jari membantu dua orang murid pemulihan menjarakkan perkataan dalam tulisan?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Pelbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Jabatan Pelajaran Negeri dengan Pejabat Pelajaran Daerah bagi merangka program kecermelangan murid contohnya Kelas Intervensi Awalan membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS), dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) (KPM, 2003). Program-program yang telah dirancang diharapkan dapat membantu murid menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

Suhaimi (2009) pula menyatakan kemahiran menulis mesti dikuasai oleh murid-murid untuk menduduki peperiksaan bertulis dan kemahiran menulis yang efektif amatlah penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia. Menurut Kamarudin (1988), kesalahan-kesalahan biasa dalam tulisan adalah

bentuk huruf buruk, tidak sama besar atau kecilnya, jarak huruf atau perkataan tidak seimbang, kedudukannya, tegak dan condongnya dan tulisan kotor kerana terlalu banyak menggunakan getah pemadam.

Dapatkan kajian oleh Abdul Rasid & Zulkafli (2011), menjelaskan murid bermasalah dalam kemahiran asas menulis berpunca daripada kelemahan menguasai kemahiran asas, iaitu baca, tulis dan kira. Kelemahan tersebut menyebabkan murid tidak berminat untuk terus belajar serta memperbaiki kelemahan kemahiran walaupun mereka mempunyai potensi untuk berjaya setanding dengan rakan-rakan mereka yang dianggap pintar cerdas dan berkebolehan.

Hasil dapatkan Yusof & Walter (2010), kaedah mengguna sebatang pensel membantu peserta kajian mereka membuat ruang di antara perkataan. Namun, saya telah mengubahsuai penggunaan kaedah dari sebatang pensel kepada mengguna kaedah jari.

Yusof & Walter (2010) menyarankan beberapa teknik boleh diaplikasikan untuk membantu murid menulis dengan baik selain menyalin semula perkataan dan juga membina ayat. Aktiviti ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang teknik menulis. Jika murid dibantu dengan kaedah yang betul mengikut langkah-langkah tertentu masalah dalam tulisan ini mungkin dapat dikurangkan atau diatasi.

Grave (1983) berpendapat murid perlu menulis setiap hari atau yang paling minimum empat hari dalam seminggu. Setiap hari masa yang diperuntukkan untuk menulis sekurang-kurangnya 30 minit. Namun, murid juga mungkin mengelak daripada menulis dan kaedah lain boleh digunakan untuk membantu murid sama ada membina perkataan atau ayat. Latihan menulis penting kerana ia boleh mempengaruhi bentuk tulisan murid. Latihan menulis seperti menyalin petikan mudah membantu peserta kajian menghasilkan tulisan yang mempunyai ruang antara perkataan (Yusop & Walter Alvin, 2010)

Pelaksanaan Tindakan

Kajian dilaksanakan terhadap dua orang murid di Sekolah Kebangsaan C. Pelaksanaan kajian bermula pada 8 Mac sehingga 5 April 2012. Saya telah melaksanakan pengesanan data awal berdasarkan tinjauan awal dan pemerhatian terhadap Ani dan Ana. Pelaksanaan tindakan melibatkan Ani dan Ana menyalin ayat mudah menggunakan jari berdasarkan empat langkah tindakan. Sebelum pelaksanaan tindakan, saya terlebih dahulu menerangkan cara penggunaan jari untuk menjarakkan perkataan dalam tulisan. Rajah 4 menunjukkan Ani dan Ana mengaplikasikan penggunaan kaedah jari semasa menyalin ayat mudah yang diberi.



Rajah 4 Ani dan Ana menggunakan kaedah jari semasa menulis

Selepas memperkenalkan penggunaan jari, tindakan dilaksanakan dengan menyalin ayat mudah secara berperingkat. Jadual 1 menunjukkan pelaksanaan aktiviti menulis yang dilaksanakan.

Jadual 1

Pelaksanaan tindakan

Tarikh/Hari	Masa	Tindakan yang diambil
08/03/2012 (Khamis)	1.15 – 1.30 tengahari	Tindakan 1 Menyalin satu ayat mudah
22/03/2012 (Khamis)	10.30 – 10.45 pagi	Tindakan 2 Menyalin tiga ayat mudah
02/04/2012 (Isnin)	12.45 – 1.00 tengahari	Tindakan 3 Menyalin empat ayat mudah
05/04/2012 (Khamis)	10.30 – 10.45 pagi	Tindakan akhir Menyalin petikan mudah

Ani dan Ana menyalin lembaran kerja yang terdiri daripada perkataan yang berwarna (Rajah 5). Keadaan ini memudahkan Ani dan Ana menulis perkataan pada satu himpunan warna yang sama.

Sebanyak lima kali aktiviti menulis dilakukan ke atas Ani dan Ana. Rajah 5, Rajah 6, Rajah 7, Rajah 8 dan Rajah 9 adalah tulisan Ani dan Ana dalam aktiviti menulis.

Tindakan 1

Aktiviti : Menyalin satu ayat mudah

Hari ini hari jadi Nani. <p>The image shows two rows of handwriting practice for the sentence 'Hari ini hari jadi Nani.'. The first row has a small 'H' at the top left. The second row has a larger 'H' at the top left. Both rows have three horizontal lines for writing.</p>	Hari ini hari jadi Nani. <p>The image shows two rows of handwriting practice for the sentence 'Hari ini hari jadi Nani.'. The first row has a small 'H' at the top left. The second row has a larger 'H' at the top left. Both rows have three horizontal lines for writing.</p>
Tulisan Ani	Tulisan Ana

Rajah 5 Tulisan Ani dan Ana menyalin satu ayat mudah

Tindakan 2

Aktiviti : Menyalin tiga ayat mudah

<small>Menyalin tiga ayat mudah menggunakan kaedah jari.</small> Ini bapa Zaki. Bapa Zaki beli baju. Baju baru bapa Zaki biru. <p>The image shows three rows of handwriting practice for the sentences 'Ini bapa Zaki.', 'Bapa Zaki beli baju.', and 'Baju baru bapa Zaki biru.'. Each row has three horizontal lines for writing.</p>	<small>Menyalin tiga ayat mudah menggunakan kaedah jari.</small> Ini bapa Zaki. Bapa Zaki beli baju. Baju baru bapa Zaki biru. <p>The image shows three rows of handwriting practice for the sentences 'Ini bapa Zaki.', 'Bapa Zaki beli baju.', and 'Baju baru bapa Zaki biru.'. Each row has three horizontal lines for writing.</p>
Tulisan Ani	Tulisan Ana

Rajah 6 Tulisan Ani dan Ana menyalin tiga ayat mudah

Tindakan 3

Aktiviti : Menyalin empat ayat mudah

Menyalin empat ayat mudah menggunakan kaedah jnt.
Ibu ada bayi.
Bayi ibu rupa saya.
Saya suka bayi.
Bayi itu nama Yati.

Menyalin empat ayat mudah menggunakan kaedah jnt.
Ibu ada bayi.
Bayi ibu rupa saya.
Saya suka bayi.
Bayi itu nama Yati.

Tulisan Ani

Tulisan Ana

Rajah 7 Tulisan Ani dan Ana menyalin empat ayat mudah

Tindakan akhir

Aktiviti : Menyalin ayat mudah

Saya Nani. Saya ada
Kakak. Kakak saya Mimi.
Saya juga ada adik. Adik
saya Ali. Ali baru lima
tahun. Kami ada datuk.
Datuk kami Tuk Wan.
Tuk Wan suka bawa
kaki jalanan-jalanan. Tuk Wan

Sesungguhnya Saya berlari melalui jalan
yang sangat cantik.


Saya mempunyai lapan kaki dan boleh
mengeluarkan daktar.

Tulisan Ani

Tulisan Ana

Rajah 8 Tulisan Ani dan Ana menyalin ayat mudah

Aktiviti : Menyalin ayat mudah tanpa menggunakan kaedah jari



Rajah 9 Tulisan Ani dan Ana menyalin ayat mudah tanpa menggunakan kaedah jari

Terdapat perubahan dan peningkatan dari segi tulisan Ani dan Ana. Tulisan mereka sudah mempunyai jarak antara perkataan.

METODOLOGI

Menurut Lewin (1946;1948), penyelidikan tindakan melibatkan empat peringkat. Pertama, mengenalpasti masalah yang ingin dikaji dan merancang pelan tindakan. Kedua, melaksanakan tindakan yang telah dibuat. Ketiga, membuat pemerhatian terhadap tindakan untuk melihat kemajuan tindakan yang dilaksanakan. Keempat, membuat refleksi terhadap tindakan yang dijalankan untuk membuat cadangan penambahbaikan.

Berdasarkan model kajian tindakan Lewin (1946;1948), saya telah mengenalpasti masalah Ani dan Ana, iaitu gagal menjarakkan perkataan dalam tulisan. Saya telah merancang pelan tindakan untuk membantu Ani dan Ana. Pelaksanaan tindakan menggunakan jari melibatkan Ani dan Ana adalah menyalin ayat mudah yang disediakan. Selepas pelaksanaan tindakan, saya membuat refleksi terhadap pelaksanaan tindakan untuk membuat cadangan penambahbaikan.

Peserta Kajian

Peserta kajian saya terdiri daripada dua orang murid pemulihan, iaitu Ani dan Ana. Ani dan Ana merupakan murid Tahun 4 dan 5 daripada Sekolah Kebangsaan C. Ani dan Ana tidak pernah bersekolah sebelum mendaftar di SKC. Keadaan ini menyebabkan Ani dan Ana dimasukkan ke kelas pemulihan untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul). Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada guru pemulihan khas, Ani dan Ana tidak mempunyai masalah dengan kehadiran dan merupakan murid yang rajin. Keadaan ini memudahkan saya melaksanakan kajian penyelidikan tindakan ini. Ini bertepatan dengan saranan Mohd Majid (2005), kebaikan pemilihan sampel adalah yang boleh mengurangkan kos, tenaga dan masa kajian tidak mendapat tantangan daripada pihak tertentu.

Etika Penyelidikan

Saya telah mendapatkan kebenaran daripada peserta kajian. Saya memastikan peserta kajian memahami matlamat penyelidikan tindakan yang dilaksanakan. Sebelum pelaksanaan penyelidikan tindakan ini, pihak IPG KBL telah memberikan surat makluman untuk mendapat kebenaran daripada pihak sekolah. Saya juga mendapat kebenaran daripada ibu bapa peserta saya. Surat kebenaran yang diedarkan tidak memaksa peserta kajian untuk mengikuti kajian yang dilaksanakan.

Teknik Mengumpul Data

Pemerhatian

Saya membuat pemerhatian berstruktur terhadap peserta kajian. Saya membuat pemerhatian semasa Ani dan Ana menyalin ayat mudah. Saya melihat bagaimana Ani dan Ana menggunakan kaedah jari semasa menulis. Selain memerhati saya juga melibatkan rakan sepenyelidik yang turut mengajar peserta kajian dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Saya mencatat hasil pemerhatian dalam catatan lapangan. Rajah 10 adalah contoh format catatan nota lapangan yang digunakan.

NOTA LAPANGAN

Hari/Tarikh :
Masa :
Aktiviti :

Peristiwa (Events)

Catatan

Rajah 10 Format catatan lapangan

Pemerhatian dilaksanakan mengikut jadual pemerhatian seperti berikut.

Jadual 2

Jadual pemerhatian

Tarikh	Masa	Aktiviti
16/02/2012	12.15 – 12.45 tengahari	Menyalin petikan mudah
08/03/2012	1.15 – 1.30 tengahari	Menyalin satu ayat mudah
22/03/2012	10.30 – 10.45 pagi	Menyalin tiga ayat mudah
02/04/2012	12.45 – 1.00 tengahari	Menyalin empat ayat mudah
05/04/2012	10.30-10.45 pagi	Menyalin petikan mudah
12/04/2012	1.15 - 1.35 tengahari	Menyalin petikan mudah

Temu bual

Temu bual dilaksanakan berbentuk berstruktur. Temu bual dilaksanakan bersama peserta kajian, guru pemulihan, guru bahasa Melayu dan rakan sepenyelidik. Temu bual diadakan bertujuan untuk membincangkan dan melihat perkembangan murid. Jadual 3 di bawah menunjukkan contoh soalan temu bual bersama peserta kajian.

Jadual 3

Jadual Temu bual

Tarikh	Soalan temu bual
08/03/2012	Apakah perasaan anda semasa menulis menggunakan kaedah jari? Apakah perasaan anda menulis sebelum menggunakan kaedah jari?
22/03/2012	Adakah anda seronok menggunakan kaedah jari? Adakah anda yakin menulis menggunakan kaedah jari?
05/04/2012	Adakah anda akan menggunakan kaedah jari semasa menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru lain?

Analisis dokuman

Data yang dianalisis juga terdiri daripada hasil temu bual bersama Ani dan Ana, hasil lembaran kerja murid, borang senarai semak hasil kerja murid dan Ujian Pelepasan Bahasa Melayu murid. Lembaran kerja murid terdiri daripada hasil kerja yang dibuat oleh murid dan direkod dalam senarai semak hasil kerja murid. Jadual 4 adalah senarai semak lembaran kerja murid.

Jadual 4

Senarai semak lembaran kerja murid

Bil.	Tarikh	Kemahiran	Catatan
1	01/03/12	Perkataan KV+KV	Tulisan tidak kemas
2	19/03/12	Perkataan KV+KV	Tulisan tanpa jarak
3	22/03/12	Perkataan KV+KV	Penekanan pada tulisan

Teknik Menganalisis Data

Pemerhatian

Saya membuat analisis hasil pemerhatian yang telah dicatat dalam nota lapangan untuk mengenalpasti tingkah laku dan minat murid semasa melaksanakan tindakan. Berdasarkan analisis catatan nota lapangan saya dapat mengenalpasti perasaan dan perkembangan murid sepanjang pelaksanaan tindakan. Catatan lapangan pada 22 Mac 2012 adalah seperti berikut.

*“....Saya mengedarkan lembaran kerja. Ani dan Ana duduk berhadapan dengan saya. Mereka kelihatan **seronok**”.*

Temu bual

Saya menganalisis hasil temu bual yang berbentuk transkrip temu bual. Analisis temu bual dilaksanakan untuk melihat kesan tindakan terhadap Ani dan Ana. Hasil temu bual adalah seperti berikut.

*“....**Seronok cikgu**. Tulisan saya lebih cantik cikgu. (kelihatan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

gembira)".

Data berbentuk dokumen

Hasil lembaran kerja murid, senarai semak lembaran kerja murid dan senarai semak Ujian Pelepasan Bahasa Melayu dianalisis bagi melihat perkembangan murid sebelum dan selepas tindakan. Jadual 5 adalah Senarai semak Ujian Pelepasan Bahasa Melayu pada 5 Mac 2012.

Jadual 5

Senarai semak ujian pelepasan bahasa Melayu

Bil.	Senarai Kemahiran yang diuji	Analisis Guru
1	Membaca dan membina ayat mudah	Tulisan tidak kemas jarak antara perkataan terlalu rapat Huruf besar dan huruf kecil campur
2	Bacaan dan pemahaman	Tulisan tidak kemas

Teknik Menyemak Data

Triangulasi Kaedah

Melalui triangulasi antara kaedah, saya menggunakan kaedah yang berbeza dalam mengumpul data ke atas peserta kajian yang sama. Kaedah berbeza yang digunakan adalah melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Triangulasi Sumber

Triangulasi sumber digunakan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat berkenaan masalah yang dikaji daripada sumber yang berlainan. Melalui triangulasi sumber, saya mendapatkan pandangan dan maklumat daripada guru pembimbing, murid dan melalui pemerhatian sendiri.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan


- Bagaimanakah penggunaan jari dapat membantu menambah baik amalan p&p saya untuk mengatasi masalah tulisan dalam kalangan murid pemulihan?

Pertama, melalui penggunaan jari saya berpeluang mempelbagai kaedah pengajaran. Penggunaan jari merupakan kaedah yang mudah digunakan dan tidak memerlukan kos.


Kedua, saya dapat meningkatkan keyakinan diri dalam pengajaran. Selepas melaksanakan penggunaan jari dalam penulisan, saya lebih yakin bahawa murid yang mempunyai masalah tulisan dapat dibantu dengan cara yang sesuai. Berdasarkan hasil dapatan kajian, didapati Ani dan Ana dapat menulis dengan menjarakkan perkataan dalam tulisan. Keadaan ini kerana saya telah membuat pertimbangan aspek kelemahan Ani dan Ana sebelum menggunakan jari. Saya yakin bahawa perbezaan individu mempengaruhi

kaedah pembelajaran murid. Justeru, guru perlu kreatif memikirkan cara untuk membantu murid memahami sesuatu konsep yang mudah dan menjimatkan kos.

Ketiga, kajian yang dilaksanakan memberi peluang kepada saya untuk membantu Ani dan Ana menjarakkan perkataan dalam tulisan. Berdasarkan masalah yang telah dikesan, saya telah merancang langkah-langkah tindakan yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan Ani dan Ana. Keadaan ini telah memberi kesan positif kepada Ani dan Ana dari segi perkembangan tulisan. Saya dapat membantu Ani dan Ana menulis dengan menjarakkan perkataan dalam tulisan dan menghasilkan tulisan yang mudah dibaca. Berdasarkan rajah 11 tulisan Ani dan Ana didapati mempunyai jarak antara perkataan dan lebih kemas selepas penggunaan jari. Sebelum menggunakan jari, tulisan Ani dan Ana tidak mempunyai jarak antara perkataan dan tidak kemas. Rajah 11 adalah perkembangan tulisan Ani dan Ana.



Tulisan Ani



Keempat dan terakhir, saya juga dapat mengeratkan hubungan dengan murid. Ani dan Ana suka berkomunikasi dan berbincang masalah dalam pembelajaran yang dihadapi bersama saya. Ani dan Ana juga turut berkongsi perasaan semasa menggunakan kaedah jari. Keadaan ini telah mengeratkan hubungan saya dengan murid.

- **Sejauh manakah penggunaan kaedah jari membantu Ani dan Ana menjarakkan perkataan dalam tulisan?**

Pada 8 Mac 2012, saya telah berbual dengan Ani dan Ana tentang perasaan semasa menggunakan jari. Penggunaan jari telah meningkatkan tahap minat Ani dan Ana dalam aktiviti menulis. Ani menyatakan dia merasa seronok menulis menggunakan jari semasa membuat aktiviti menulis. Tulisan Ani lebih kemas dan mudah dibaca. Sebelum tindakan, Ani menyatakan dia tidak bersemangat menulis kerana tulisan tidak cantik. Ana menyatakan dia seronok menggunakan jari semasa membuat aktiviti menulis. Penggunaan jari telah mendorong minat Ana terhadap aktiviti menulis.

Berdasarkan pemerhatian, penggunaan jari telah meningkatkan keyakinan Ani dan Ana semasa menulis. Sebelum penggunaan jari, Ani dan Ana berasa malu apabila diminta untuk menulis pada papan tulis. Ani dan Ana mempunyai keyakinan diri yang rendah kerana tulisan mereka sukar dibaca. Selepas tindakan ini, Ani dan Ana didapati lebih yakin apabila diminta guru untuk menulis dipapan tulis.

Melalui pemerhatian, Ani dan Ana telah menguasai penggunaan jari untuk menjarakkan perkataan dalam tulisan. Ani dan Ana didapati menulis dengan menjarakkan perkataan dalam tulisan. Pada 2 April 2012, saya telah melaksanakan perbualan bersama Ani dan Ana. Ani dan Ana menyatakan mereka juga menggunakan jari semasa menyiapkan lembaran kerja yang diberikan oleh guru lain. Penggunaan terhadap penggunaan jari telah diaplikasikan Ani dan Ana dalam mata pelajaran lain.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan, saya dapat kajian ini sedikit sebanyak telah membantu Ani dan Ana menjarakkan perkataan dalam tulisan. Ani dan Ana kelihatan lebih yakin semasa menghantar lembaran kerja bertulis yang diberi. Saya berharap penggunaan jari ini dapat memberi manfaat kepada Ani dan Ana dan murid-murid lain yang menghadapi masalah yang sama.

Refleksi Penilaian tindakan

Penyelidikan tindakan yang dilaksanakan memberikan kesan positif terhadap peserta kajian. Kajian ini sedikit sebanyak membantu Ani dan Ana dalam menjarakkan perkataan dalam tulisan. Mereka dapat menyiapkan lembaran kerja yang diberi dengan yakin. Keadaan ini kerana tulisan yang dihasilkan lebih kemas dan mudah dibaca. Rakan sekelas yang lain juga turut menegur tentang perkembangan tulisan Ani dan Ana.

Saya juga telah mempertingkatkan kesedaran dalam amalan kendiri. Saya perlu peka dengan masalah yang dihadapi murid. Guru perlu peka terhadap bagaimana dan apakah mekanisme yang boleh membantu murid bermasalah dalam menulis (Yusof & Walter, 2010). Saya tidak boleh membuat andaian bahawa murid boleh menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi. Saya sebagai seorang guru perlu mengenalpasti masalah murid dengan lebih terperinci.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui kajian yang dilaksanakan, saya lebih peka dengan masalah murid. Sebelum tindakan, saya kurang memberikan perhatian terhadap masalah tulisan murid. Saya mengandaikan murid boleh memperbaiki sendiri tulisan mereka. Namun, selepas pelaksanaan kajian, saya lebih prihatin terhadap masalah murid. Keadaan ini kerana masalah yang dihadapi memberikan impak kepada pelbagai pihak.

Penyelidikan yang dilaksanakan memberi peluang kepada saya untuk memperluaskan lagi pengetahuan melalui pembacaan terhadap bahan kajian lepas, jurnal-jurnal dan buku-buku berkaitan dengan bidang yang dikaji. Saya telah membuat rujukan diperpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Salihan (1991) menyatakan kemahiran membuat rujukan di perpustakaan merupakan kemahiran pembelajaran yang sangat penting dan perlu dikuasai. Dengan adanya kemahiran membuat rujukan, saya dapat memperoleh pelbagai maklumat yang diperlukan. Ini telah memperluaskan lagi tahap pengetahuan saya. Pengetahuan meluas yang diperoleh menjadikan saya lebih yakin untuk menyampaikan sesuatu ilmu.

Pelaksanaan kajian ini telah memberi pendedahan kepada saya melalui penggunaan kaedah jari dalam membantu murid menjarakkan perkataan dalam tulisan. Saya sebagai seorang guru pemulihan amat memerlukan cara untuk memperbaiki tulisan murid.

Saya sebagai penyelidik telah mendapat kesedaran tentang kepentingan penyelidikan untuk membantu murid bermasalah. Penyelidikan penting untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid. Ianya juga memberi peluang kepada penyelidik untuk mencuba teori atau kaedah baru yang dihasilkan. Penyelidikan yang dilaksanakan memberikan impak kepada pelbagai pihak seperti murid, guru dan juga diharapkan memberi kesan positif kepada warga sekolah.

Dalam kajian ini, saya sebagai penyelidik juga dapat melihat kesan daripada tindakan yang dilaksanakan. Selepas melaksanakan beberapa langkah tindakan, Ani dan Ana didapati menunjukkan perkembangan dalam tulisan. Melalui penyelidikan, saya dapat melihat kesan daripada kaedah penggunaan jari yang diaplikasikan.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Kajian ini boleh diteruskan dengan fokus kepada penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam tulisan Ani dan Ana. Kajian diberikan penekanan pada cara penggunaan huruf kecil dan huruf besar semasa menulis. Ini adalah kerana tulisan Ani dan Ana masih mempunyai penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang bercampuraduk. Keadaan ini juga kerana penggunaan huruf yang betul mempengaruhi keseragaman saiz huruf yang dihasilkan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalah Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-12.
- Graves, D. (1983). *Writing: Teachers and children at work*. New Hampshire: Heinemann.
- Kamaruddin Hj. Husin, (1988). *Pedagogi Bahasa*. Selangor Darul Ehsan:Longman Malaysi Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Salihan Siais (1991). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.
- Sassoon, R. (1990). *Handwriting: The way to teach it*. Cheltenham: Stanley Thornes.
- Suhaimi Yunus. (2009). Projek Master Sains: Permasalahan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli. Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- Yusop&Walter Alvin .(2010). Disgrafia dan Cara Membantu: Kajian Kes Ke Atas Murid Program Integrasi Pendidikan Khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL*, 1-22.